

27/04/2001

Negara perlu 73,000 pekerja hingga 2006

Ahmad Ghazali Musa

KOTA TINGGI, Khamis - Malaysia dijangka mengalami kekurangan 73,000 tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam tempoh lima tahun akan datang, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, antara sektor yang dikenal pasti akan mengalami kekurangan tenaga kerja ini ialah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tekstil dan kimia.

"Di sektor ICT saja, kita memerlukan sekurang-kurangnya 35,000 tenaga kerja atau hampir 50 peratus daripada jumlah kekurangan tenaga kerja yang dijangka dihadapi dalam tempoh itu.

"Justeru, pelbagai usaha sudah dan sedang dilaksanakan bagi menampung kekurangan itu, termasuk membina 15 lagi institut latihan perindustrian (ILP) dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) sebagai tambahan kepada enam yang sudah siap dibina.

"Dengan adanya ILP ini, kementerian berharap ia bukan saja dapat menampung kekurangan tenaga kerja, malah memperhebatkan latihan dan latihan semula di kalangan pekerja yang diberhentikan ekoran kelembapan ekonomi dunia," katanya.

Dr Fong berkata demikian kepada pemberita selepas melawat kilang elektronik, Skyline Frontier Sdn Bhd, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Urusan syarikat itu, Akiyoshi Yamashita.

Ditanya bagaimana kementerian menganggarkan kekurangan tenaga kerja itu sedangkan proses pemberhentian kerja terus berlaku akibat kelembapan ekonomi, beliau berkata pemberhentian pekerja kebanyakannya berlaku di sektor elektronik dan elektrik.

Bagaimanapun, katanya, proses pemberhentian tidak begitu serius kerana tenaga kerja yang diberhentikan itu sedia diserapkan dalam sektor yang masih mengalami kekurangan tenaga kerja.

"Cuma cabaran yang kementerian perlu hadapi sekarang ialah bagaimana memastikan tenaga kerja yang diberhentikan itu diserapkan kepada pekerjaan yang sesuai," katanya.

Sebagai contoh, katanya, hingga akhir minggu lalu, walaupun Jabatan Buruh mencatatkan 2,000 pemberhentian tenaga kerja, pada masa sama ada lebih 2,000 kekosongan yang perlu diisi dalam sektor lain.

Sehubungan itu, beliau berkata masalah pemberhentian kerja di negara ini tidak serius kerana masih ada banyak kerja kosong di sektor lain.

"Kes pemberhentian pekerja ini termasuk pekerja Malaysia yang diberhentikan kerja di Singapura.

"Mereka ini kebanyakan tenaga mahir dan tidak sukar untuk diserapkan dalam sektor bersesuaian," katanya yang tidak mempunyai jumlah tepat berhubung pemberhentian tenaga kerja Malaysia di republik itu.

Dalam perkembangan lain, Dr Fong berkata Malaysia akan menjadi tuan rumah Persidangan Menteri Sumber Manusia Asean yang diadakan pada 8 hingga 11 Mei, di Kuala Lumpur.

Persidangan itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dijangka turut dihadiri Menteri Sumber Manusia Korea Selatan, Jepun dan China.

Persidangan itu akan membincangkan senario pasaran tenaga buruh, termasuk dari segi mobiliti, produktiviti dan kesan kelembapan ekonomi di rantau ini, selain bertukar-tukar maklumat.

Persidangan empat hari itu juga dijangka memberi tumpuan kepada cabaran tenaga buruh yang dihadapi di Myanmar, sebuah negara anggota baru Asean.

(END)